



Kedah
Malaysia
where it all began

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ قَدْ حَذَّرَ الْمُؤْمِنُونَ

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI KEDAH DARUL AMAN
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-774 4000/ 04-774 4010
Faks : 04-774 4578/ 04-733 0910
04-774 4643/ 04-733 8717
E-mail : pbnk@kedah.gov.my

Ruj.Kami: (14) dlm.P.Kw.N.(K)1521Jld.3
Tarikh : 15 Syaaban 1441H
09 April 2020

**Semua Pegawai Pengawal
Jabatan Kerajaan Negeri**

SS Dato' Paduka/YAA Dato'/YB Dato' Paduka/YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
BIL.4 TAHUN 2020**

- **Garis Panduan Bagi Penyediaan Anggaran Hasil Tahun 2021 Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.**

Adalah dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kedah akan menyediakan Cadangan Anggaran Hasil Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Tahun 2021.

2. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini diedarkan **Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman Bil.4 Tahun 2020** yang mengandungi Garis Panduan Bagi Penyediaan Anggaran Hasil Tahun 2021 Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman yang perlu dipatuhi dan dijadikan panduan oleh pihak SS Dato' Paduka/YAA Dato'/YB Dato' Paduka/YBhg. Dato'/Tuan/Puan. Pekeliling ini boleh dimuat turun di laman sesawang Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah (ppnk.kedah.gov.my).

Kerjasama serta perhatian daripada pihak YB SS Dato' Paduka/YAA Dato'/YB Dato' Paduka/YBhg. Dato'/Tuan/Puan dalam pelaksanaan pekeliling ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KEDAH AMAN MAKMUR-HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH"**

Saya yang menjalankan amanah,

(MUHAMMAD AMIN BIN AZIZ)

Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Hasil 2)

b.p Pegawai Kewangan Negeri

Kedah Darul Aman



Ruj.Kami: (14) dlm.P.Kw.N.(K)1521Jld.3

S.k Yang Berhormat Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah
Bendahari Negeri Kedah Darul Aman
Pengarah Audit Negara Cawangan Negeri Kedah

Senarai Edaran Pejabat Daerah :-

1. Pegawai Daerah Kota Setar
2. Pegawai Daerah Kuala Muda
3. Pegawai Daerah Kulim
4. Pegawai Daerah Kubang Pasu
5. Pegawai Daerah Baling
6. Pegawai Daerah Sik
7. Pegawai Daerah Padang Terap
8. Pegawai Daerah Langkawi
9. Pegawai Daerah Yan
10. Pegawai Daerah Bandar Baharu
11. Pegawai Daerah Pendang
12. Pegawai Daerah Pokok Sena

Senarai Edaran Pentadbiran Tanah :-

1. Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah
2. Pentadbir Tanah Daerah Kota Setar
3. Pentadbir Tanah Daerah Kuala Muda
4. Pentadbir Tanah Daerah Kulim
5. Pentadbir Tanah Daerah Kubang Pasu
6. Pentadbir Tanah Daerah Baling
7. Pentadbir Tanah Daerah Sik
8. Pentadbir Tanah Daerah Padang Terap
9. Pentadbir Tanah Daerah Langkawi

10. Pentadbir Tanah Daerah Yan
11. Pentadbir Tanah Daerah Bandar Baru
12. Pentadbir Tanah Daerah Pendang
13. Pentadbir Tanah Daerah Pokok Sena

Senarai Edaran Pelbagai Jabatan :-

1. Sohibus Samahah Mufti Negeri Kedah
Jabatan Mufti Negeri Kedah
2. Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri
3. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan (Bahagian Kewangan)
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.
4. Setiusaha (Bahagian Perumahan)
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.
5. Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Unit Khidmat Pengurusan)
Pejabat Kewangan Negeri Kedah Darul Aman
6. Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah
7. Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah
Pejabat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah
8. Pengarah JKR Negeri Kedah
Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah
9. Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri
Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Kedah
10. Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri Kedah
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah
11. Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Kedah
Pejabat Jabatan Pertanian Negeri Kedah

12. Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah Darul Aman
13. Pengarah Perhutanan Negeri Kedah
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah Darul Aman
14. Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah Darul Aman
Jabatan Kebajikan Masyarakat Kedah Darul Aman



Semua Pegawai Pengawal
Negeri Kedah Darul Aman

PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL.4 TAHUN 2020
GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN ANGGARAN HASIL TAHUN 2021
KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan bagi penyediaan anggaran hasil jabatan-jabatan Negeri Kedah Darul Aman bagi Tahun 2021. Ketua jabatan/Pegawai Pengawal hendaklah memastikan supaya anggaran hasil jabatan dapat disediakan mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam pekeliling ini.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pelaksanaan perakaunan akruan diperingkat Kerajaan Negeri Kedah akan dilaksanakan pada tahun 2022 selepas Kerajaan Persekutuan melaksanakannya. Merujuk kepada **MPSAS1** perakaunan akruan bermakna satu asas yang digunakan dalam perakaunan untuk **mengiktiraf urus niaga dan peristiwa apabila ia berlaku**. Asas akruan ini juga bermaksud pengiktirafan urusniaga dan peristiwa tersebut tidak tertakluk kepada penerimaan atau pembayaran wang tunai atau yang setaraf.

- 2.2 Pelaksanaan asas akruan ini menyebabkan pengiktirafan dan perekodan dibuat apabila hasil telah dikenalpasti boleh atau layak diterima pada sesuatu masa walaupun tiada penerimaan tunai. Oleh yang demikian penyediaan anggaran hasil bagi tahun 2021 perlu **mengambilkira asas baru** ini supaya semua Jabatan lebih bersedia apabila ianya dilaksanakan.
- 2.3 Prestasi kutipan hasil pada tahun 2019 melebihi perbelanjaan belanja mengurus berbanding tempoh 2015 hingga 2018. Ini menyebabkan pada tahun 2019, Kerajaan Negeri mengalami lebihan berbanding tahun sebelum.

PERKARA	TAHUN				
	2015 RM Juta	2016 RM Juta	2017 RM Juta	2018 RM Juta	2019 RM Juta
Kutipan Hasil	411.05	601.63	633.07	551.25	727.56
Belanja Mengurus	508.41	660.90	669.12	607.75	618.61
Lebihan / (Kurangan)	-97.36	-59.27	-36.05	-56.50	108.95

- 2.5 Tunggakan hasil Kerajaan Negeri juga menunjukkan trend semakin meningkat dan perlu diberi perhatian oleh semua Jabatan/PTJ pemungut hasil.

BIL	KATEGORI	TAHUN	
		2018 RM Juta	2019 RM Juta
1	Tanah	121.24	140.69
2	Daerah	2.48	19.26
3	Bahagian Perumahan	60.50	63.74
4	JKR	0.12	0.11
5	Syarikat Air Darul Aman (SADA)	53.09	52.59
6	MBI	12.00	1.5
7	Hutang-hutang Lain	-	0.1
	JUMLAH	249.43	277.98

- 2.6 Sehubungan itu, semua Jabatan/PTJ pemungut hasil perlu membuat perancangan terperinci kutipan tunggakan hasil dan mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih agresif supaya tunggakan hasil dapat dikutip.

- 2.7 Semua Jabatan/PTJ pemungut hasil perlu membuat semakan pemutihan data supaya isu tunggakan dapat diselesaikan mengikut kes.

3.0 DASAR DAN STRATEGI PENINGKATAN HASIL NEGERI TAHUN 2021

- 3.1 Bagi memastikan Jabatan/PTJ pemungut hasil dapat menyediakan satu anggaran yang realistik, boleh dikutip, tepat dan mempunyai justifikasi, dasar dibawah perlu diberi perhatian :-
- Memastikan semua **hasil yang mempunyai punca kuasa dikutip secara maksimum**.
 - Melaksanakan **penguatkuasaan kutipan hasil bagi punca kuasa sedia ada**.
 - Menyemak semula **kadar atau caj sedia ada** yang sedang berkuatkuasa.
 - Penambahbaikan terhadap **Standard Operating Procedure (SOP)**.
 - Membuat pemutihan **data-data tunggakan hasil**.
 - Mengkaji dan menilai **hasil-hasil baru** yang belum diterokai.
- 3.2 Jabatan/PTJ pemungut hasil juga perlulah melipatgandakan usaha, memantap dan memperkemas sistem kutipan dengan menggunakan ICT atau Kedah Apps dengan lebih meluas atau apa-apa cara yang difikirkan sesuai yang dapat meningkatkan kutipan hasil dengan kos yang minima kepada Kerajaan Negeri.
- 3.3 Jabatan/PTJ pemungut hasil perlu mewujudkan kerjasama bersepadu antara Jabatan/Agensi dan juga membuat hebahan jadual kutipan luar dengan lebih meluas.
- 3.4 Melaksanakan kajian dan semakan semula kadar fi perkhidmatan, lesen dan permit di dalam akta/enakmen/peraturan-peraturan yang melibatkan hasil bagi menentukan kadar yang lebih berpatutan dan bersesuaian mengikut perkembangan semasa.

- 3.5 Memperkemaskan tindakan penguatkuasaan terhadap tunggakan hasil supaya kutipan tunggakan dapat ditingkatkan dan pada masa yang sama pemutihan data tunggakan perlulah dilaksanakan dengan terperinci.

4.0 FORMULA / ASAS-ASAS PENYEDIAAN ANGGARAN HASIL TAHUN 2021

- 4.1 Asas-asas penyediaan anggaran hasil tahun 2021 seperti jadual dibawah:-

BIL	JENIS HASIL	CONTOH	FORMULA/ ASAS PENYEDIAAN ANGGARAN
1	Patut Kutip	Cukai Tanah, Tali Air, Denda Lewat Bayar Cukai Tanah dan Notis	100% daripada jumlah patut kutip pada 15 April 2020
		Tunggakan Cukai Tanah dan Tali Air	100% daripada jumlah patut kutip pada 15 April 2020 atau data sebenar yang boleh kutip.
		Premium Perhutanan	Berdasarkan kelulusan tebangan tahunan yang dibenarkan
2	Berulang (Bulanan dan Tahunan)	Cukai hiburan dan tunggakan, Lesen Hiburan, Sewaan,	Perkiraan terperinci berdasarkan data sedia ada secara bulanan atau tahunan berdasarkan kadar fi, trend permohonan / jumlah / kuantiti / unit.
		Royalti, pelbagai cukai tak langsung, bayaran pendaftaran, Permit, Bayaran Perkhidmatan, Pelbagai Jualan, Denda dan hukuman dan lain-lain koding hasil berulang yang lain.	Kiraan Terperinci berdasarkan data sediada atau berdasarkan rekod kutipan hasil sebenar untuk tiga (3) tahun ke belakang bermula 2017, 2018 dan 2019.

BIL	JENIS HASIL	CONTOH	FORMULA/ ASAS PENYEDIAAN ANGGARAN
3	Hasil patut dapat	Pemberian mengikut ramai penduduk, pemberian 50% kos pengurusan jabatan, 10% perkhidmatan, Royalti Pulau Pinang, Pemberian Khas Pulau Pinang, Pemberian Pelancongan dan sumbangan anak syarikat.	Berdasarkan permohonan dan kelulusan tuntutan.
4	Luar jangka	Premium tanah	berdasarkan data-data kelulusan yang belum dijelaskan oleh pemohon.
		Pemberian Pertambahan Hasil, Pemberian Akaun mengurus dan Caruman bayaran balik pinjaman.	Berdasarkan Ekonomi semasa Kerajaan Persekutuan dan status defisit kewangan Kerajaan Negeri.

- 4.2 Pada masa yang sama Jabatan/PTJ perlulah mengenal pasti **polisi semasa kerajaan berkaitan hasil**, mengkaji kemungkinan terdapat **sumber-sumber hasil baru** dan mengambil berat berkenaan suasana ekonomi yang boleh menambahkan kutipan hasil.

5.0 PENYAMPAIAN CADANGAN ANGGARAN HASIL TAHUN 2020

- 5.1 Cadangan anggaran hasil yang dikemukakan hendaklah menggunakan **Format Borang Anggaran Hasil Tahun 2021 (Microsoft Excel)** berikut yang boleh dimuat turun di laman sesawang Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri Kedah (ppnk.kedah.gov.my)
- 5.2 Panduan pengisian adalah seperti di bawah :-
- a) Jabatan/PTJ dikehendaki membuat pindaan nama terhadap dokumen borang tersebut dengan menambah nama Jabatan/PTJ [**Rename file**]

- b) Jabatan/PTJ perlu mengisi terimaan sebenar seperti di iSPEKS bagi tahun 2017, 2018, 2019, kutipan sehingga 15 April 2020 dan anggaran hasil 2020.
 - c) Seterusnya mengisi cadangan anggaran hasil 2021, Justifikasi setiap kod hasil termasuk pengiraan terperinci dan penjelasan ke atas peningkatan atau pengurangan anggaran hasil 2021 berbanding anggaran hasil 2020.
- 5.3 Pegawai Pengawal Jabatan pemungut hasil hendaklah mengemukakan **Cadangan Anggaran Hasil Jabatan Tahun 2021** seperti di bawah :-
- | KATEGORI JABATAN | ANGGARAN JABATAN/PTJ |
|--|--|
| Pejabat Tanah Dan Daerah | PTJ 101 - Pejabat Daerah |
| | PTJ 102 - Pejabat Tanah |
| a. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah | PTJ Jabatan dikehendaki menyatukan cadangan anggaran hasil PTJ Daerah untuk dijadikan satu (1) anggaran hasil Jabatan. |
| b. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK) | |
| c. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah | |
| Pelbagai Jabatan selain di atas | Mengikut jabatan masing-masing |

- 5.4 Pegawai Pengawal Jabatan pemungut hasil perlu menghantar **Cadangan Anggaran Hasil Jabatan Tahun 2021** mengikut format yang ditetapkan di para 5.0 selewat-lewatnya pada 31 Mei 2020 dalam bentuk ***softcopy*** ke emel unithasilpkn@kedah.gov.my.

6.0 PEMERIKSAAN ANGGARAN HASIL TAHUN 2021

- 6.1 Semakan awal akan diadakan bermula bulan Jun 2020 sehingga tarikh sebelum pemeriksaan oleh Jawatankuasa Bajet 2021 mengikut keperluan.
- 6.2 Pemeriksaan Cadangan Anggaran Hasil akan diadakan serentak dengan pemeriksaan anggaran perbelanjaan mengurus bagi tahun 2021 bermula Julai 2020.

7.0 PEMANTAUAN

- 7.1 Cadangan anggaran hasil tahun 2021 akan disemak dan akan dibentangkan di Jawatankuasa Kewangan Negeri Kedah yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar seterusnya di angkat ke Dewan Undangan Negeri Kedah.
- 7.2 Anggaran hasil tahun 2021 yang telah diluluskan di Dewan Undangan Negeri Kedah akan di pantau oleh Jawatankuasa Kerja Hasil Negeri Kedah setiap suku tahun.

8.0 PENUTUP

- 8.1 Sebarang pertanyaan dan maklumat yang diperlukan hendaklah dirujuk ke Unit Hasil di talian 04-7027729/7731/7753/7755/7756.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KEDAH AMAN MAKMUR-HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJI ISAHAK BIN MURAT, DSSS., SDK., AMK., BCK.)
Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman